

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT  
KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS (2021)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN  
AMAN RAZALI [ KUALA NERUS ]**

**TARIKH : 7 DISEMBER 2021 [SELASA]**

**SOALAN**

**DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [ KUALA NERUS ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan kajian dan pelan perancangan pembangunan menyeluruh yang dibuat oleh pihak Kementerian bagi menyelesaikan masalah perparitan di Parlimen Kuala Nerus secara holistik untuk mengatasi isu banjir kilat dan banjir ketika musim moonsun timur laut atau musim tengkujuh.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Dalam usaha menyelesaikan masalah perparitan di Parlimen Kuala Nerus, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah melaksanakan tindakan penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang.
2. Bagi penyelesaian jangka pendek, KASA telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM40 ribu bagi menyelenggara 2 buah kolam takungan banjir di kawasan Parlimen Kuala Nerus pada tahun 2021.
3. Manakala bagi penyelesaian jangka panjang melibatkan pelaksanaan;
  - a. Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) Daerah Kuala Terengganu dan Kuala Nerus, Terengganu. Kajian ini telah siap

## **NO. SOALAN : 1**

pada 31 Oktober 2019. Kajian ini perlu dilaksanakan terlebih dahulu untuk mengenalpasti punca-punca kejadian banjir kilat yang berlaku dan sebagai rujukan dalam merancang infrastruktur saliran serta mengenalpasti langkah-langkah penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang secara komprehensif bagi menangani kejadian banjir kilat.

- b. Projek Tebatan Banjir Kuala Terengganu (UMT) dan Kawasan Sekitar, Terengganu dengan kos keseluruhan projek berjumlah RM10 juta. Projek ini dijangka tender pada Mei 2022 dan siap sepenuhnya pada Ogos 2023; dan
- c. Projek di bawah Kementerian Pengajian Tinggi yang dilaksanakan JPS sebagai agensi teknikal, iaitu Projek Sistem Tebatan banjir dan Sistem Pencegahan Hakisan Pantai Universiti Malaysia Terengganu. Projek ini dijangka tender pada Januari 2022 dan siap sepenuhnya pada Mei 2024.

Sekian, terima kasih.